



PASARAN

KORPORAT

AUTO

HARTANAH

TEKNOLOGI

USAHAWAN

LAIN-LAIN (BISNES)

Serba Dinamik bakal ceburi industri angkasa

Mac 11, 2021 @ 4:36pm



KUALA LUMPUR: Serba Dinamik Group Bhd berhasrat menubuhkan sebuah anak syarikat baharu pada suku ketiga tahun ini bagi menjayakan penerokaan syarikat dalam industri angkasa.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Dr Ir Mohd Abdul Karim Abdullah, berkata anak syarikat itu akan menguruskan pembabitannya dalam industri baharu menerusi peningkatan kapasiti melalui kerjasama dengan pelbagai agensi dan peserta antarabangsa.

"Bagaimanapun, seiring dengan perniagaan yang kian meningkat dan kehadiran dalam industri turut berkembang, kami akan melihat kepada keperluan perniagaan dan mencari penyelesaian terbaik yang dapat memberi manfaat kepada kumpulan bagi memastikan kelangsungan perniagaan," katanya kepada Bernama.

Baru-baru ini, kumpulan perkhidmatan tenaga itu mengumumkan kerjasamanya dengan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) untuk memperkukuhkan pembangunan ekonomi dan industri angkasa Malaysia.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 25m ['Bagaimana boleh terlepas?'](#)
- 34m [Pakistan sekat TikTok](#)
- 46m [Biden bakal akhiri sekatan kumpulan keutamaan vaksin COVID-19](#)
- 1h [Demi insurans nyawa: Lelaki bunuh 2 anak dipenjara lebih 200 tahun](#)
- 1h [FINAS buka studio di Sabah](#)
- 1h [Milan cipta kelebihan, Roma, Tottenham, Arsenal selesa](#)
- 1h [73 rumah atas air di Pulau Gaya terbakar](#)
- 2h [Vaksin: Bekas pesakit COVID-19 peroleh perlindungan tinggi](#)

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Huawei, Serba Dinamik kerjasama bangun penyelesaian digital](#)
- [Stesen bumi di Tuaran tidak jejas pembangunan setempat](#)
- [Pos Malaysia jadi pusat sehenti aktiviti koperasi](#)
- [Angkasa, FTPSB meterai MoU tingkatkan hasil sawit](#)

Tutup ↓

VAKSIN



AMERIKA 3 jam yang lepas

[Vaksin: Bekas pesakit COVID-19 peroleh perlindungan tinggi](#)



NASIONAL Mac 11, 2021 @ 9:29am

[223,923 individu sudah terima dos pertama vaksin](#)



FRIDAY Mac 11, 2021 @ 7:25am

Kumpulan itu berkata, Malaysia masih belum menyertai 'ekonomi angkasa baharu' walaupun sudah bersedia untuk melakukannya.

MYSA mengambil inisiatif melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan memperkenalkan Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020, yang dibentangkan bagi bacaan pertama tahun lalu.

Mohd Karim berkata, Serba Dinamik merancang untuk menerokai bidang ekonomi angkasa kerana ia akan menghubungkan dari segi teknologi maklumat dan komunikasi, yang juga antara kecekapan teras dalam kumpulan, melalui kesalinghubungan internet ke kawasan dalam negara yang tidak dapat dihubungi dengan menggunakan teknologi satelit.

"Ini diperlukan bagi menyokong pelbagai inisiatif kumpulan mengenai teknologi sempadan yang memerlukan saling hubung jalur lebar dan internet untuk merealisasikan penggunaannya," tambahnya.

Mohd Karim turut maklum bahawa penyediaan kemudahan dan infrastruktur akan membuka pasaran yang lebih besar untuk industri berkaitan lain di bawah Revolusi Industri Keempat (IR4.0).

"Ia juga memberikan sumbangan dari segi pembangunan negara, yang menjadi hasrat kerajaan pada masa ini untuk menyediakan kesalinghubungan kepada seluruh masyarakat," katanya.

Mohd Karim berkata, peranan MYSA adalah memberi sokongan teknikal penasihat dalam organisasi untuk membantu Serba Dinamik merealisasikan objektifnya dan serterusnya bertapak dalam ekonomi angkasa.

Serba Dinamik turut memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan SWISSto12, syarikat yang berpangkalan di Switzerland dan pakar dalam teknologi untuk menghasilkan komponen yang digunakan dalam satelit melalui teknologi percetakan 3D.

Dengan MOU itu, SWISSto12 dijangka dapat menyediakan sokongan kepada Serba Dinamik dan rakan niaga dalam inisiatif angkasa mereka.

"Menerusi kerjasama ini juga, Serba Dinamik akan meningkatkan kemampuannya dalam bidang kejuruteraan bernilai tinggi yang amat diperlukan untuk menyokong ekonomi ruang angkasa," katanya.

Beliau menambah, kumpulan itu juga akan memupuk tenaga kerja dengan memberikan latihan dan pendidikan untuk mewujudkan profesional yang kompeten dan berkemahiran dalam industri angkasa bagi memastikan Malaysia mempunyai tenaga kerja diperlukan untuk menyokong industri yang sedang berkembang ini.

"Kami juga akan berusaha untuk memindahkan pengetahuan daripada pemain industri melalui kerjasama kami dengan pemain antar-

Tutup ↓



EROPAH Mac 11, 2021 @ 7:35am
Vaksin AstraZeneca bukan punca jururawat maut



ASEAN Mac 10, 2021 @ 9:42pm
Thailand buka sempadan Oktober ini



LAIN-LAIN (DUNIA)
Mac 10, 2021 @ 9:32pm
Lebih 2.6 juta maut akibat COVID-19



NASIONAL Mac 10, 2021 @ 8:48pm
585 bebuli vaksin COVID-19 dipulangkan ke syarikat Pfizer - Khairy

TRENDING



BOLA 26 minit yang lepas
'Bagaimana boleh terlepas?'



KES 11 jam yang lepas
Lelaki separuh bogel cuba 'terkam' tiga wanita



NASIONAL Mac 11, 2021 @ 8:26pm
'Jangan hanya melambai sahaja' - KPN



NASIONAL Mac 11, 2021 @ 3:08pm
Polis keluar kompaun RM10,000 langgar SOP mulai hari ini



NASIONAL Mac 11, 2021 @ 12:02am
Tanah diduduki enam beranak bukan milik sah - KESEDAR

MYRESIPI



INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:45pm
Dah Bosan Asyik Makan Sambal Belacan Je? Jom Cuba Resepi Sambal Kucai Pula, Padu!



INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:44pm
Resepi Tauhu Kukus Sos Tiram Chinese Style, Simple Tapi Lazat



INFOMASI Mac 8, 2021 @ 7:26pm
Resepi Bubur Kacang Hijau Durian Kegemaran Ramai, Pembuka Selera Yang Terbaik!



INFOMASI Mac 8, 2021 @ 7:26pm
Resepi Ikan Percik Simple Ala Kelantan



INFOMASI Mac 5, 2021 @ 2:52pm

dalam bidang ini.


"Pemindahan pengetahuan ini akan membantu Serba Dinamik untuk memperoleh kemampuan kejuruteraan bernilai tinggi yang memastikan kami dapat menjadi salah satu pemain utama dalam industri angkasa lepas," katanya.

Ditanya sama ada dengan penerokaan baharu ini, kumpulan itu merancang untuk keluar dari perniagaan minyak dan gas, Mohd Karim berkata Serba Dinamik akan mengekalkan kehadirannya dalam industri berkenaan.

"Kehadiran Serba Dinamik dalam industri minyak dan gas akan berterusan manakala ekonomi angkasa akan turut serta sebagai satu lagi penyumbang utama kepada pendapatan kumpulan ini.

"Serba Dinamik akan bertambah besar dan kuat dengan bidang baharu ini yang akan memastikan kelestarian kumpulan," tambahnya.

-BERNAMA



INFORMASI | Mac 3, 2021 @ 2:52pm

Ini Resepi Kalio Ayam Minang, Sesuai Dinikmati Bersama Keluarga

BERITA BERKAITAN



MUKA 10 | Nov 15, 2020 @ 11:00am

RUU rancakkan pembangunan industri angkasa negara



LAIN-LAIN (BISNES) | Ogs 6, 2018 @ 3:49pm

ANGKASA lantik Timbalan, Naib Presiden baharu



LAIN-LAIN (BISNES) | Dis 30, 2019 @ 12:16pm

Usaha sama Serba Dinamik, Startup Borneo tahun depan



KORPORAT | Jan 18, 2021 @ 9:48pm

Serba Dinamik dapat kontrak RM548.2 juta



IKUTI KAMI DI:



Tutup ↓



BERITA

[BHPLUS](#)
[Nasional](#)
[Kes](#)
[Politik](#)
[Pendidikan](#)
[Wilayah](#)

SUKAN

[DUNIA](#)
[HIBURAN](#)
[BISNES](#)
[RENCANA](#)
[WANITA](#)
[HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA

[Foto](#)
[BHTV](#)
[Infografik](#)

LANGGAN
[Akhbar Digital](#)
[Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

[Iklan Web](#)
[1Klassifieds](#)
[NSTP KLiK](#)